

SOALAN NO: 244

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang telah diberhentikan dalam tahun 2016 mengikut pecahan berikut:

- (a) pemberhentian mengikut sektor pekerjaan dan pemberhentian kerja tanpa pampasan; dan
- (b) pemberhentian pekerja migran dan tempatan, dan pemberhentian kerja akibat penutupan syarikat.

PR-1343-T76476

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah pemberhentian pekerja bagi bulan Januari sehingga September 2016 adalah 31,476 orang yang melibatkan 14,425 (45.8%) pemberhentian sukarela dan 17,051 (54.2%) pemberhentian biasa.

2. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan sebanyak 13,596 (43.2%), diikuti oleh sektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 7,383 (23.5%) dan sektor Kewangan dan Insuran sebanyak 4,424 (14%). Ini sedikit sebanyak menunjukkan persamaan dengan trend pemberhentian pada tahun 2015, kecuali bagi sektor Perdagangan Borong dan Runcit yang menunjukkan peningkatan signifikan. Perincian seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Pemberhentian Pekerja Tempatan Dan Asing Mengikut Sektor, Januari – September 2016

SEKTOR	PEKERJA TEMPATAN	PEKERJA ASING	JUMLAH
Pembuatan	9,830	3,766	13,596
Perdagangan Borong dan Runcit	7,314	69	7,383
Kewangan dan Insurans	4,424	0	4,424
Perlombongan dan Pengkuarian	1,947	120	2,067
Profesional, Saintifik dan Teknikal	1,158	26	1,184
Pentadbiran dan Khidmat Sokongan	697	15	712
Pembinaan	404	24	428
Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dan Minuman	330	12	342
Maklumat dan Komunikasi	303	2	305
Pengangkutan dan Penyimpanan	275	0	275
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	222	8	230
Pendidikan	153	16	169
Perkhidmatan lain	94	0	94
Kesihatan, Kemanusiaan dan Kerja Sosial	84	1	85

SEKTOR	PEKERJA TEMPATAN N	PEKERJA ASING	JUMLAH
Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	80	0	80
Bekalan Air dan Pengurusan Sisa	48	0	48
Utiliti	27	0	27
Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	19	0	19
Isirumah Barang dan Perkhidmatan	8	0	8
Pentadbiran Awam dan Pertahanan	0	0	0
Jumlah	27,417	4,059	31,476

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*, Jabatan Tenaga Kerja

Tuan Yang Di Pertua,

3. Majikan dikehendaki melaporkan kepada JTK yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mana-mana tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan menggunakan Borang Pemberhentian Kerja (PK) antara lain bertujuan memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang. Oleh yang demikian, pembayaran pampasan pekerja yang diberhentikan akan sentiasa dipantau oleh pihak JTK.

4. Namun begitu, terdapat kes-kes penggulungan syarikat (*winding up*) dan penerimaan syarikat (*under receivership*) yang mengakibatkan pekerja yang diberhentikan masih belum menerima pampasan. Sehingga September 2016, sebanyak 8 majikan bersatus *winding up/under receivership* manakala bilangan pekerja yang terlibat adalah seramai 101 orang.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Berhubung dengan pemberhentian pekerja asing dan tempatan, daripada 31,476 pekerja yang diberhentikan, seramai 27,417 adalah pekerja tempatan (87.1%) manakala baki seramai 4,059 orang (12.9%) adalah pekerja asing. Manakala perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian tertinggi bagi pekerja tempatan dan pekerja asing adalah dalam sektor pembuatan.

6. Berdasarkan rekod dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) terdapat beberapa sebab yang mendorong pihak majikan mengambil tindakan pemberhentian pekerja. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barang dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- (v) pengeciran tenaga kerja;
- (vi) pengambilalihan syarikat;
- (vii) penstrukturran semula organisasi; dan
- (viii) penggabungan syarikat.

7. Namun begitu, sehingga September 2016 bilangan pekerja yang diberhentikan akibat penutupan perniagaan adalah sebanyak 4,534 orang iaitu 14.4% daripada keseluruhan sebab pemberhentian. Perincian seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Pemberhentian Pekerja Akibat Penutupan Perniagaan

JENIS PENUTUPAN PERNIAGAAN	BIL. SYARIKAT	BIL. PEKERJA DIBERHENTIKAN
Pemberhentian Serta Merta	110	2,148
Pemberhentian Berperingkat	45	2,386
JUMLAH	155	4,534

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*, Jabatan Tenaga Kerja